

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

- Mengapakah kemunculan semua tamadun bermula dan berkembang di lembah sungai?
A Lebih bersih
B Alat perhubungan
C Memudahkan komunikasi
D Lebih selamat daripada haiwan
- Tamadun Mesopotamia terletak di barat daya Asia.
 Apakah maksud Mesopotamia?
A Pembahagian kuasa
B Tanah di antara dua sungai
C Kemajuan yang tidak terhingga
D Perkembangan tamadun antara dua kawasan
- Kerajaan terawal Mesopotamia ialah kerajaan Sumeria.
 Apakah ciri-ciri utama kerajaan tersebut?
 I Kemajuan bandar
 II Pengkhususan kerja
 III Sistem perparitan
 IV Kemajuan pertanian
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
- Pernyataan berikut merujuk kepada Tamadun Mesopotamia.

Di Sungai Tigris dan Sungai Eupharates terdapat kawasan subur yang luas dalam oasis di tengah-tengah gurun dan gunung.

Apakah gelaran untuk kawasan ini?

- A** Matahari Terbit
B Bulan Sabit Subur
C Lembah Luas
D Lembah Basah dan Gurun

- Apakah tiga tahap pemerintahan kerajaan Mesir Purba ?
A Purba, awal dan baru
B Awal, purba dan akhir
C Awal, pertengahan dan akhir
D Purba, pertengahan dan baru
- Gambar berikut merupakan Sungai Nil.




Mengapakah Mesir dikatakan Hadiah Sungai Nil?

- A** Sumber perhubungan utama masyarakat
B Sungai yang mempunyai banyak sumber protein
C Keperluan utama masyarakat untuk aktiviti perdagangan
D Membawa lumpur berwarna hitam yang subur untuk pertanian
- Tamadun Indus terletak di Lembah Sungai Indus.
 Lembah ini mempunyai dua musim yang ekstrem, iaitu
A hujan dan kering
B panas dan hujan
C hujan dan lembap
D panas dan lembap

8. Kebanyakan penduduk Lembah Sungai Indus bergiat aktif dalam pertanian. Apakah tanaman yang ditanam?
- A Barli
 - B Padi
 - C Pisang
 - D Kelapa sawit

9. Gambar berikut merupakan binaan Mohenjo-Daro.



Pernyataan yang manakah dapat dikaitkan dengan binaan tersebut?

- A Dinding yang dibina dapat mengelakkan ancaman musuh
 - B Kotanya dikelilingi dinding bata tebal sepanjang 4.9 kilometer
 - C Dinding yang dibina untuk mengelakkan banjir
 - D Di dalam terdapat benteng bagi melindungi keluarga bangsawan
10. Tamadun Huang He turut mengalami perkembangan yang lain selain pertanian. Antara berikut yang manakah merupakan aktiviti lain Tamadun Huang He?
- I Membuat tembikar
 - II Perlombongan
 - III Membina rumah
 - IV Membina kapal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

11. Perkara berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan dan pentadbiran dalam Tamadun Indus **kecuali**

- A Pendeta boleh meramal nasib
- B Ketua pemerintahan ialah pendeta
- C Pendeta berkuasa dalam keagamaan
- D Pendeta berkuasa dalam pentadbiran

12. Perkembangan bidang kesenian dan kesusasteraan dapat dilihat dalam tamadun Mesopotamia.

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan bidang yang dinyatakan?

- A Tulisan hieroglif
- B Hasil seni dilukis pada tembikar
- C Adanya tulisan berasal daripada piktograf
- D Rekaan patung untuk mengingati pemimpin

13. Gambar berikut menunjukkan tulisan hieroglif semasa Tamadun Mesir Purba. Mereka menghasilkan kertas yang dipanggil papirus dan mencipta dakwat hitam.



Apakah kegunaan tulisan tersebut?

- A Menulis puisi
- B Menulis salasilah keluarga
- C Menulis sejarah hidup raja
- D Menulis teks agama dan dokumen penting

14. Sungai Nil yang lebar dan dalam membolehkan banyak kapal dagang menyusurnya dan berlabuh.

Pelabuhan yang terlibat adalah

- A Buhen
- B Napata
- C Tigris
- D Memphis

15. Tamadun Huang He berjaya mencipta puisi yang romantik.

Apakah kemahiran utama masyarakat Tamadun Huang He?

- A Penghasilan kertas
- B Penghasilan lukisan
- C Penghasilan tembikar
- D Penghasilan batu-bata